

- (b) jika seseorang itu memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dan Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Syariah) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia atau setaraf dengannya, dia telah tamat latihan dalam kamar selama sembilan bulan dari mana-mana firma guaman syarie, dengan syarat jawatankuasa boleh, menurut budi bicaranya, mengecualikan seseorang berkecualan daripada menjalani sesuatu tempoh latihan dalam kamar atau sebahagian daripadanya apabila permohonan dibuat kepadanya dengan disokong oleh keterangan yang memuaskan bahawa ad hal keadaan yang mewajarkan tempoh latihan dalam kamar itu dikecualikan atau dipendekkan .

(3) Latihan dalam kamar hendaklah diselia oleh seorang Peguam Syarie yang sedang dan telah menjalankan secara aktif di Malaysia bagi tempoh yang tidak kurang daripada tujuh tahun sebelum sahaja latihannya bermula.

(4) Penasihat Undang-undang Negeri, Peguam Kanan Persekutuan dan Peguam Persekutuan di Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Kedah atau pegawai yang dilantik di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26] dan Pegawai Syariah hendaklah disifatkan telah dilantik sebagai Peguam Syarie oleh Majlis di bawah Peraturan-peraturan ini dan peraturan 9 adalah tidak terpakai bagi pegawai itu dan, pegawai itu boleh, jika tugas rasmi memerlukan, mewakili mana-mana pihak dalam mana-mana mahkamah.

### **Permohonan**

- 10.(1) Permohonan untuk dilantik sebagai Peguam Syarie hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi dengan menggunakan borang yang ditetapkan dalam Jadual 1.
- (2) Setiap permohonan hendaklah disertakan surat sokongan oleh dua orang daripada mana-mana yang berikut:
  - (a) Peguam Syarie yang berdaftar;
  - (b) peguam bela atau peguam cara yang berdaftar di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 [Akta 166]; atau
  - (c) pegawai kerajaan dalam kumpulan pengurusan dan professional.
- (3) Tiap-tiap pemohon, selepas permohonannya diserahkan kepada dan diakuterima secara bertulis oleh Pengerusi, hendaklah menampalkan satu salinan permohonannya di papan notis Mahkamah Tinggi Syariah di Negeri Kedah selama satu bulan.
- (4) Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan –
  - (a) akuan bersumpah tidak pernah disabitkan atas apa-apa kesalahan oleh mahkamah sivil di Malaysia atau di luar Malaysia; dan
  - (b) akuan bersumpah tidak pernah diisytiharkan bankrap atau didapati bersalah atas apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang dinyatakan di bawah seksyen 33(6)(a),(b),(c),(d),(e),(f),(h),(k) atau (l) Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360].